

19 SEP 1997

Multimedia

PERSIDANGAN TARIK PENGUNJUNG "BERKUALITI" KALI INI, KATA AZZMAN

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Persidangan dan Pameran Multimedia Asia '97 (MMA 97), yang tamat di sini hari ini, berlangsung dengan jayanya dan menarik pengunjung-pengunjung "berkualiti" daripada pelbagai lapisan masyarakat, kata penganjurnya.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMN), Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen, berkata kebanyakan pempamer pada MMA '97 sangat kagum dengan kualiti soalan-soalan yang diaju oleh para pengunjung kerana ini menunjukkan mereka berpengetahuan luas mengenai isu-isu teknologi maklumat (IT).

"Ini adalah sesuatu yang baru untuk mereka... dan saya rasa ini berlaku kerana Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya kepada Bernama ketika ditemui di pejabatnya, selepas MMA'97 tamat, di sini.

Acara empat hari itu, anjuran bersama MTMN dan Miller Freeman, menarik minat kira-kira 20,000 pengunjung terdiri daripada pelajar, pengamal undang-undang, jururawat dan pegawai tentera.

Acara yang sama tahun lepas menarik minat khususnya para profesional IT, kata Tengku Dr Azzman, yang juga presiden Mimos Berhad.

Beliau juga berpuas hati dengan kualiti pameran itu kerana kebanyakan syarikat termasuk syarikat Malaysia telah menunjukkan penyelesaian kepada Aplikasi Utama MSC dalam cara yang menarik dan kreatif.

"Ini merupakan petunjuk kepada apa yang kita akan ada di dalam MSC. Ia menunjukkan apa yang kita fikir boleh dibuat, sudah pun dibuat," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menghabiskan masa hampir sejam pada pameran itu, juga kagum bahawa pameran multimedia yang diadakan di negara ini sentiasa menunjukkan sesuatu yang baru, katanya.

Tengku Dr Azzman berkata bagi tahun depan, beliau akan mencadangkan pameran itu disertai institusi kewangan dan taman teknologi seperti Taman Teknologi Malasia dan Taman Teknologi Tinggi Kulim bagi membolehkan para usahawan IT mendapat lebih banyak maklumat mengenai bantuan dan pembiayaan perniagaan mereka. -- BERNAMA

HJ NI NAK